

25/01/1998

## Sikap patriotik rakyat penting

Zainudin Isa; Nurul Adlina Kamaludin

KUALA LUMPUR: Orang ramai, termasuk pemimpin parti dan pelbagai pertubuhan yakin sikap patriotik di kalangan rakyat menjadi elemen penting untuk berganding bersama kerajaan dalam menangani kegawatan ekonomi negara sekarang.

Mereka sependapat dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa semangat sayangkan negara serta keperwiraan yang tinggi mampu mengembalikan semula keutuhan ekonomi negara seperti yang dinikmati sebelum ini.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata saranan Dr Mahathir supaya wanita menjual barang kemas bagi menangani masalah itu perlu dilihat secara positif oleh semua pihak.

"Saranan itu sememangnya baik tetapi pada saya, ia hanya sesuai dilaksanakan apabila keadaan sudah terdesak. Ini kerana, apa yang lebih penting adalah memastikan wanita yang mempunyai simpanan wang melaburnya terlebih dahulu.

"Bagaimanapun, jika keadaan benar-benar memaksa kita berbuat demikian, saya yakin ramai yang akan tampil ke depan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pergerakan itu di sini, semalam.

Menurut Siti Zaharah, apa yang lebih penting adalah mesej yang terkandung di sebalik saranan Perdana Menteri yang meminta rakyat bersikap patriotik dan membantu negara di saat memerlukan.

"Mesej itulah yang perlu dihayati, bukan hanya wanita tetapi semua pihak. Ini kerana sebagai rakyat yang bertanggungjawab dan prihatin, inilah masanya menunjukkan komitmen masing-masing," katanya.

Presiden Cuepacs, Abdul Aziz Mohamad Sultan, berkata saranan Dr Mahathir supaya rakyat bersikap patriotik adalah tepat ketika negara mengalami masalah ekonomi.

Menurutnya, rakyat wajar membalas budi kerajaan dengan pelbagai cara termasuk saranan Perdana Menteri supaya wanita menjual barangan kemas.

"Bagi Cuepacs, kalau saranan ini membawa kebaikan di segi ekonomi, mengapa tidak kita menyumbang kepada kerajaan sebagai membalas budi hasil kemakmuran dan kesejahteraan hidup yang dikecapi selama ini. "Kita percaya Dr Mahathir tidaklah mahu wanita menjual semua barangan kemas itu sehingga menyebabkan tidak mempunyai harta pula," katanya di sini, semalam.

Kelmarin, Dr Mahathir mengajak rakyat bersikap lebih patriotik dalam usaha membantu kerajaan menambah kecairan bagi menangani kegawatan ekonomi dengan lebih berkesan.

Serentak itu, beliau meminta rakyat meningkatkan simpanan di institusi kewangan tempatan, menjual barangan kemas terutama wanita, menjual harta dimiliki di luar negara dan membawanya balik tunai untuk dilabur di tanah air.

Setiausaha Agung Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), N Marimuthu, berkata golongan pertama yang harus tampil membantu kerajaan menambah aliran tunai ialah jutawan dan ahli perniagaan, terutama yang mempunyai aset di luar negara.

"Kalau kita tanya rakyat biasa memang kita bersikap patriotik, tetapi berapa banyak harta atau barang kemas yang kita ada untuk disumbangkan," katanya.

Pekerja syarikat kontraktor, Alagiri Samy, 43, berkata rakyat perlu membalas budi baik kerajaan ketika negara mengalami kegawatan ekonomi yang memerlukan komitmen semua pihak.

"Saya menyokong saranan Dr Mahathir supaya rakyat lebih patriotik dan

membuat pengorbanan ketika negara diancam masalah," katanya.

Suri rumah, Raja Azizah Raja Suran, 52, pula berkata walaupun hampir semua wanita mempunyai barang kemas, sesetengahnya dalam kuantiti kecil untuk disumbangkan kepada kerajaan.

"Kita memang bersemangat tinggi untuk membantu memulihkan ekonomi, tetapi bagi rakyat miskin apakah mereka sanggup menjual harta yang ada sedangkan kehidupannya masih terhimpit," katanya.

(END)